

‘PDRM tak boleh tolak ansur isu salah laku’

Anwar tegaskan penubuhan IPCC, IPFC penting demi pertumbuhan ekonomi dan keamanan rakyat

Oleh Safeek Affendy Razali dan Farah Marshita Abdul Patah
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan kepimpinan Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak boleh bertolak ansur dalam sebarang salah laku demi menyelamatkan bangsa dan negara.

Berucap pada Majlis Peluncuran Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) dan Police, Friends and Collaborators (IPFC), di sini, semalam Perdana Menteri berkata, tindakan itu penting kerana negara menuntut perubahan, termasuk dalam aspek pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

“Yang memungkinkan ekono-

mi meningkat, pelaburan masuk, orang rasa tenang dan aman, berjalan dengan selesa siang dan malam, bekerja syif malam di hospital dan sebagainya dengan rasa tenang dan aman kerana kecekapan dan kecekalan PDRM keseluruhannya,” katanya.

Anwar berkata, PDRM kekal sebagai tonggak utama pertahanan dalam memastikan keamanan dan ketenteraman rakyat terjamin.

Katanya, walaupun sebelum ini beliau mengambil pendirian yang berbeza berhubung penubuhan IPCC, namun kini kerajaan perlu memastikan keberkesananannya.

Beliau berkata, ketika itu beliau berpendapat sekiranya ada suruhanjaya tata kelakuan, maka sebaiknya ia memabitkan semua agensi dan tidak hanya tertumpu kepada PDRM.

“Pada masa itu, kerajaan memikirkan harus dikhususkan dan perkara ini sudah berjalan, justeru kita perlu pastikan ia berkesan,” katanya.

Sebelum ini, beliau berkata, kerajaan juga tidak membayangkan terdapat keperluan untuk satu agensi mengawal keterlanjuran atau disiplin kerana setiap jabatan mempunyai peraturan



Anwar pada Majlis Peluncuran IPCC dan IPFC sambil diperhatikan Saifuddin, Razarudin, Johari dan Shamsul Azri (kiri) di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Genes Gulitah/BH)

sedia ada.

“Tetapi, kita juga sedar bahawa dalam jumlah yang besar, kadang-kadang berlaku walaupun kelompok kecil, namun ia mewakili segelintir masyarakat dan mereka merasakan harus diberi pembelaan.

“Sekarang, tanggungjawab kita ialah pertahankan dan kalau kita mahu negara menjadi maju dan terangkat, isu tatakelola, integriti, pembanteras rasuah dan salah guna kuasa harus diberikan tumpuan,” katanya.

Pertingkat integriti PDRM

Anwar juga berkata, berdasarkan pengalamannya selama dua tahun dalam meneraju negara, PDRM adalah antara agensi yang sangat kritikal untuk memberi makna dan menjamin kejayaan negara.

Pada 26 Julai 2022, Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) IPCC 2020 yang menggantikan RUU Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah

Laku Polis (IPCMC), adalah untuk mempertingkatkan integriti pasukan PDRM, mengurangkan salah laku dalam kalangan anggotanya, serta meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap pasukan polis.

Sebelum dibentang di Parlimen, proses penggubalan IPCC memabitkan libat urus dengan seramai 1,059 orang, selain sesi taklimat bersama pimpinan tertinggi PDRM, persatuan bekas polis, wakil Kementerian Dalam Negeri (KDN) serta Ahli Parlimen Pakatan Harapan (PH).

IPCC memberi fokus kepada penubuhan suatu badan untuk melaksanakan siasatan, manakala tindakan dan hukuman tata tertib masih dikekalkan dengan Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) mengikut peruntukan sedia ada dalam Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan.

Sementara itu, IPFC ialah program di bawah pelan strategik IPCC, berperanan merealisasikan visi sebagai badan pemantau

bebas yang dipercayai bagi meningkatkan keyakinan rakyat kepada integriti pasukan polis.

IPFC berobjektif membantu memantau tatakelakuan anggota polis, melindungi hak asasi orang awam dan anggota polis, memudahkan urusan penyampaian perkhidmatan dan keberkesanan IPCC dan PDRM.

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan IPFC, IPCC akan mengukuhkan hubungan kerjasama dengan rakan strategik antaranya kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, PDRM, perwakilan luar negara, pertubuhan bukan kerajaan, syarikat swasta, institusi pengajian tinggi, media dan orang awam.

Turut hadir pada majlis itu, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Dr Johari Abdul; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain.